



Siri Sececah Cahaya

ANAK CEMERLANG

Dr. Noor Laily Abu Bakar

Nury


kar
YAB Dato' Seri Najib Tun Razak
Timbalan Perdana Menteri
MALAYSIA
Seri Sececah Cahaya

ANAK CEMERLANG

N. Lais

Siri Sececah Cahaya

20.9.00



Buku yang pertama dalam Siri Sececah Cahaya
ini adalah hadiah saya kepada
Ayahanda dan Bunda saya.
Semoga Allah sentiasa mencucuri rahmat
ke atas rohmu Ayahanda dan Bunda.

PUSTAKA PERDANA



1012468

ISBN 983-99437-0-7

Cetakan Pertama 1998

© NURY

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari Taman Keluarga NURY Sdn. Bhd.

Penerbit:

Syarikat Pulau Keladi Sdn. Bhd.

(Anak Syarikat Taman Keluarga NURY Sdn. Bhd.)

9 & 11, Lorong Wangsa 5A, Off Jalan Wangsa 5

Bukit Antarabangsa, 68000 Ampang

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-407 5487

Fax: 03-407 5490

Urusan Rekabentuk dan Percetakan :

Various Channels Communications Sdn. Bhd.

74-A, Jalan Pingai, Taman Pelangi

80400 Johor Bahru.

Tel: 07-331 6696

Fax: 07-335 6697

PRINSIP-PRINSIP NURY

Prinsip Pertama

Bahawa setiap anak dari dalam kandungan ibunya lagi telah dibekalkan dengan potensi untuk membesar dan membangun ke tahap setingginya, iaitu ke tahap cemerlang, pada segi fizikal, sosio emosi, iman, intelek dan fisiologi (Kesihatan).

Prinsip Kedua

Bahawa pembangunan anak mempunyai peluang untuk mencapai tahap cemerlang ini, sekiranya stimulasi dan pengasasan diberi seawal yang boleh, iaitu sebelum ianya mencapai umur tiga tahun kerana pada waktu itu otak dan sistem saraf anak itu sedang pesat membangun.

Prinsip Ketiga

Bahawa pembangunan ke tahap cemerlang adalah peranan dan tanggungjawab ibu bapa. Setiap ibu bapa ialah pendidik dan pengasas pertama dan boleh dibekalkan dengan ILMU, pengetahuan, kepakaran dan kemampuan untuk membolehkan ibu bapa mendidik anak-anaknya ke tahap cemerlang. Ini juga bermakna rumah adalah institusi utama dan pertama tempat pendidikan anak dan dengan itu mestilah dipertingkat dan diperkuatkan.

Prinsip Keempat

Bahawa perkembangan potensi optima setiap anak yang bermula di rumah, mestilah diperkayakan dengan pengetahuan dan pengalaman di luar rumah dan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi di luar rumah mesti pula dibimbing di rumah melalui Program SIMBIOSIS.


Prinsip Kelima

Bahawa apabila konsep, pengetahuan dan amalan pendidikan anak berasaskan ILMU, pengetahuan, pengalaman dan kasih sayang tanpa syarat ini yang dimulakan dari awal lagi dan secara berterusan dapat diamalkan oleh sejumlah besar masyarakat dan amalan-amalan ini dengan sendirinya dijadikan CARA HIDUP dan adat resam masyarakat itu, barulah tercapai pembangunan keluarga yang sebenarnya dan disertai dengan pembangunan agama, bangsa dan negara yang utuh.



ISI KANDUNGAN

<i>Muqaddimah – Kata Pendahuluan dari Pengarang</i>	<i>vii</i>
<i>Bab 1</i> Mengapa NURY	1
<i>Bab 2</i> Ciri-ciri dan Matlamat Pembangunan Anak Cemerlang	15
<i>Bab 3</i> Mengapa Mesti Cemerlang	27
<i>Bab 4</i> Apa itu 2 + 9	45
<i>Bab 5</i> Keagungan Otak Manusia – Pembangunan Fungsi	59
<i>Bab 6</i> Pembangunan Fungsi dan Kapasiti Otak Manusia	83
<i>Bab 7</i> Fungsi dan Keadaan Biokimia dalam Otak	105
<i>Bab 8</i> Susunan Neurologi dan Profil Pembangunan	111
<i>Bab 9</i> 7 Faktor Pokok Pelaksanaan Program NURY	123
<i>Bab 10</i> Mengapakah Ibu Bapa Penting?	141
<i>Bab 11</i> Impek Program NURY	159
<i>Bab 12</i> NURY dan Wawasan 2020	167
<i>Renungan Pengarang</i>	<i>175</i>
<i>Menjunjung Kasih</i>	<i>184</i>
<i>Lampiran – Sistem Penilaian Anak NURY</i>	<i>185</i>
<i>Bibliografi</i>	<i>195</i>
<i>Indeks</i>	<i>196</i>



MUQADDIMAH

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”

(Ar-Ruum: 22)

IKRAR

Setiap ibu bapa harus berilmu untuk:

- Memastikan supaya setiap anak diberi peluang untuk membesar menjadi “INSAN CEMERLANG” pada segi fizikal, sosio emosi, spiritual, fisiologikal, dan intelektual.
- Memberi setiap anak kasih sayang tanpa syarat, dan menjadikan pendidikan anak sebagai satu ibadah.
- Memastikan setiap ibu bapa menjadi pendidik utama dan pertama agar memperolehi ilmu dan kemahiran supaya boleh menyempurnakan tugas sebagai ibu bapa profesional
- Memastikan setiap program yang dilaksanakan berjaya supaya cita-cita ini tercapai.

Kata-kata Pendahuluan dari Pengarang

Cerita NURY ialah cerita satu perjuangan, pengorbanan, misi, komitmen dan cerita satu wawasan

“Pak”, kata sahabat saya. “Ini saya kenalkan Ibu Dr. Noor Laily, dari Malaysia”. Bapak yang baru pertama kali saya temui pada malam itu, menghulurkan tangannya sambil merenung muka saya dan terus berkata,

“Noor Laily, Noor Laily ..., NURY – *Seccecah Cahaya di malam yang gelap, sama ertinya Setitis Embun di Gurun Sahara*”


Saya terpegun dan terus mengucapkan terima kasih sambil menghulur tangan menyambut salam Bapak itu dan menjawab dengan air mata yang membasahi pipi, “Bapak, terima kasih, kerana seumur hidup saya, saya tidak suka nama saya ‘Noor Laily’ kerana pernah waktu kecil dahulu seorang insan mengatakan bahawa nama itu tidak elok ... terlalu romantik”. “Apa?,” sahut Bapak itu, “‘Noor’ maknanya ‘cahaya’ dan ‘Laily’ maknanya ‘malam’ – cuba Ibu fikirkan cahaya di waktu malam, apa ertinya jika dibandingkan dengan cahaya di waktu siang. Aduh Bu ... nama ini nama amat baik dan sesuai dengan usaha Ibu membantu mendidik ibu bapa menjadi ibu bapa cemerlang dan dengan itu lebih berupaya membangunkan anak mereka ke tahap cemerlang. Usaha ini bukan senang, walaupun sedikit usahanya tetapi hasilnya yang terkumpul tentu sekali akan menerangi dunia setiap anak dan keluarga yang Ibu bantu”

Perjumpaan saya dengan Bapak di Bandung, Indonesia ialah pada masa saya dan rakan-rakan baru sahaja memulakan NURY. Waktu itu belum ramai lagi usahawan yang menceburkan diri dalam program pembangunan sosial secara swasta. Kami menghadapi berbagai masalah untuk “memasar” program ini. Ramai orang mengatakan kami gila. Kami menerima berbagai tuduhan dan tomanan dan ada masanya saya sendiri hampir putus asa.

Tetapi kata Bapak inilah yang telah memberi saya satu rangsangan yang tidak boleh diukur nilainya dan menguatkan hasrat saya untuk meneruskan NURY walau apapun terjadi. Kata-kata Bapak ini juga meyakinkan saya betapa kuatnya pengaruh seseorang yang saya hormati, lebih lagi disampaikan kepada saya pada waktu umur saya masih mentah.

Saya terus menulis sajak "Sececah Cahaya", sempena Sambutan Hari Nury pertama, yang telah dirasmikan oleh YABhg. Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali di rumah No. 31 & 32, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. Sajak ini telah dijadikan lagu NURY yang memberi saya rangsangan yang berterusan, dan semangat di saat saya terkejut oleh berbagai dugaan dan cabaran. Waktu saya menulis buku ini, Program NURY tentu sekali memberi cahaya baru dalam hidup saya dan mudah-mudahan dengan cahaya itu dapat membantu menerangi hidup orang lain

*Anak adalah Cahaya Mata
Curahkan kasih sayang padanya
Kami di Nury hanya dapat berkata
Ibu dan ayah orang utama
Kasih sayang tidak
boleh dijual beli
Apa yang penting perasaan
Rasa dan sikap diri
10 minit, 20 minit,
30 minit dalam sehari
Tentu tak sukar kita memberi
Kasih sayang membina
maruah dirinya
Pengalaman dan pelajaran
memperkayakan hidupnya
Berilah peluang dia belajar,
dia meneroka
Dia mencuba dan dia berusaha
Tugas kita membimbing
merangsang sentiasa
Peluk, cium, pujilah dia
Walaupun gagal tetapi mencuba
Dia adalah dia,
Tidak perlu dibeza-beza
Jika anak melakukan kesalahan
Apa yang perlu ialah kefahaman
Tegur dia dengan tegas
Tetapi dengan sayang
Tentu ini merupakan perangsang
Anak adalah pemberian Tuhan
Jasa kita padanya
tidak perlukan balasan
Apa yang penting bila dewasa
Dia menjadi seorang manusia
Membesarkan anak penuh cabaran
Segala usaha perlukan kesabaran
Tetapi ingat, Sececah Cahaya
Di malam yang gelap
Sama ertinya Setitis Embun
Di Gurun Sahara.*

 (Noor Laily)
15 Julai 1983

dan khususnya hidup anak dan ibu bapa mereka. Keyakinan saya lebih meningkat apabila bertemu dengan Dr. Glenn Doman, Katie Doman dan Mansor Sukaimi. Glenn pernah berkata, “Walaupun satu peratus sahaja perubahan yang telah kamu capai – kamu masih MENANG ... teruskanlah...” Saya pula tidak pernah bosan terus mencari, mencari, mencuba dan berkata, “Satu hari tentu kita menang, insya-Allah”. Sekalung budi kepada semua rakan-rakan karib saya ini.

Saya berdoa semoga buku ini dan seterusnya buku-buku yang bakal saya tulis dalam Siri Secerah Cahaya ini akan membantu saya memperkayakan hidup anak kita dan memberi panduan kepada seramai mungkin ibu bapa untuk membangunkan setiap anaknya supaya menjadi Khalifah di bumi Allah s.w.t., insya-Allah.

Dr. Noor Laily Abu Bakar



Dari kiri:
Mansor Sukaimi, Dr.Glenn Doman, Puan Katie Doman dan Dr. Noor Laily

BAB 1

MENGAPA NURY ?



“Allah memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan barangsiapa yang diberi hikmah, sesungguhnya ia telah diberi kebajikan yang banyak. Dan tidak ada orang yang boleh mengambil pelajaran kecuali orang-orang yang Berakal.”

(Surah al-Baqarah: 269)

PENDAHULUAN

Setiap kali saya berhadapan dengan ibu bapa, lebih-lebih lagi yang ada anak istimewa, mereka bertanya, "Apa yang menyebabkan doktor dan rakan-rakan memulakan NURY ...?"


Setiap kali soalan ini diajukan, saya masih terkejut kerana saya belum mendapat jawapannya. Saya seolah-olah telah dibawa kearahnya, kerana saya sedar dan insaf bahawa pendidikan yang akhirnya menjadikan saya seorang doktor sebenarnya ialah pendidikan yang menyediakan saya untuk memberi sumbangan yang lebih dari merawat orang sakit. Apa yang saya ingat ialah dari bangku sekolah lagi iaitu di Maktab Perempuan Melayu, Kuala Lumpur (MGC) saya telah minat merawat kawan-kawan saya yang sakit, dengan itu berminat untuk menjadi seorang jururawat atau seorang doktor.

Tetapi apabila saya lulus dari Universiti Singapura dan bertugas sebagai seorang doktor di Hospital Kuala Lumpur,

IMPIANKU - INSAN SEJATI

*AKU sering idamkan
Sesuatu yang mustahil ...
Aku melawan, Musuh yang
hampir ...
Tiba-tiba aku dilanda sedih
Tidak terbingga ...
Aku melarikan diri
Ke suatu tempat yang asing ...
Asing bagi manusia!
Membetulkan sesuatu yang
tidak boleh dibetulkan
Mendambakan sesuatu yang
tidak mungkin tercapai
Mencuba terus mencuba
sehingga ..
Aku diburu rasa letih
Mencapai bintang yang jauh di langit
Inilah matlamatku ...
Mengikuti perjalanan bintang idaman
Walaupun begitu sukar;
Walaupun begitu jauh
Namun kebenaran tetap dipertahankan
Tanpa soalan, Tanpa berhenti
Berani redah api yang marak
Berani terjun ke lautan dalam
Demi mempertahankan suatu
misi ...
Misi yang murni
Misi yang berciri insan sejati*

(Noor Laily 1996)



berbagai cabaran yang saya lalui menyebabkan saya tertanya-tanya apakah agaknya tugas, tanggungjawab dan misi saya yang sebenarnya sebagai seorang doktor? Kami bekerja keras siang dan malam, kadang-kadang tidak tidur dan susah sekali untuk mendapat seteguk air pun – tetapi ramai di antara pesakit yang tidak berjaya kami selamatkan. Setiap pesakit yang saya rawat menjadi tumpuan emosi saya. Saya menangis sekiranya anak kecil yang dimasukkan ke hospital tercungap-cungap kerana paru-parunya diisi air ‘*pneumonia*’ dan kami gagal menyelamatkannya. Saya menangis apabila ada ibu bapa yang meninggalkan anaknya sedang sakit di hospital kerana “banyak kerja”. Saya menangis apabila pesakit kanser yang telah lama saya rawat dengan suntikan kimia setiap hari, akhirnya tiba-tiba meninggal dunia.

Setiap kali saya terpaksa memberitahu ibu bapa anak yang dikatakan ‘cacat’ bahawa saya tidak mampu membantu menyembuhkan anaknya, saya terasa malu – malu dengan nama ‘doktor’ di depan nama saya. Saya rasakan ada sesuatu yang belum lengkap dalam pendidikan saya sebagai seorang doktor.

PERISTIWA YANG MENYAYAT HATI


Peristiwa yang sangat menyayat hati ialah pada suatu pagi selepas saya memberi salam solat subuh, saya menerima telefon dari jururawat bertugas memberi tahu ada seorang ibu baru sahaja dimasukkan ke bilik bersalin dalam keadaan cemas. Saya berkejar ke wad bersalin. Sebaik sahaja saya memegang perut ibu tersebut, darah keluar memancut dari farajnya. Saya terlupa rasa penat tidak tidur sepanjang malam dan selama dua jam saya dan rakan-rakan di wad bersalin cuba menyelamatkan ibu yang telah bersalin dua hari lalu di rumah – melahirkan anaknya yang ke-13, tetapi urinya terlekat. Sudah puas bidan berusaha, tetapi uri tetap tidak keluar. Drip air glukos yang dipasang oleh bahagian kecemasan hospital daerah, diganti dengan darah – hampir 10 botol dipam, tetapi yang memancut keluar lebih banyak dibandingkan dengan darah yang masuk. Ibu itu meninggal dunia jam lapan pagi setelah usaha menyelamatkannya gagal. Bagaimana peritnya perasaan saya apabila ditugas menyampaikan berita itu, kepada 13 orang anak yang telah diyatimkan.

Pada hari itulah saya membuat keputusan mencari jawapan kepada persoalan yang tersemat di dalam otak saya sejak saya masih belajar di Fakulti Perubatan Singapura. Adakah tugas saya sebagai seorang doktor itu hanya merawat orang sakit sahaja? Bolehkah dengan pendidikan saya perolehi saya menyelamatkan lebih nyawa sekiranya keadaan seperti ini dapat dielakkan? Soalnya bagaimana? Apakah ilmu tambahan yang saya perlukan? Di manakah dan dari siapa saya hendak belajar? Dalam saya tertanya dan tercari, saya dapati saya mengandung anak kedua.

Pengalaman saya mengandung dan melahirkan anak kedua meningkatkan tekad saya mencari jawapan kepada persoalan tadi. Kandungan kedua ini membawa banyak dugaan. Satu pagi saya terkejut dari tidur dengan merasakan badan terlalu panas. Apabila bangun dan menghadap cermin, muka saya bengkak dan besar sehingga mata saya hilang ditenggelami bengkak di muka. Segala ubat dan suntikan tidak menghilangkan ruam di seluruh badan saya. Para pakar terpaksa membuat keputusan mengeluarkan anak dalam kandungan, demi menyelamatkan kedua ibu dan anak, sungguhpun saya perlu menunggu sebulan lagi.

Drip ‘*pitocin*’ tidak membawa kesan dan pakar membuat keputusan melakukan pembedahan. Ibu dan Ayah terkejut dengan berita “mungkin akan dibedah” dan terkejut-gapah datang ke Kuala Lumpur dari Kuantan, Pahang. Belum saya membuka mata dan sedar dari berbagai “*drugs*” dan bius, Ibu dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur. Ibu menghembuskan nafas terakhir 24 jam selepas Azura dilahirkan iaitu pada 5 Mei 1969. Lapan hari kemudian tercetus pula peristiwa 13 Mei 1969. Pada masa dalam pantang di rumah kakak pupu saya Toh Puan Zainon Hussein, saya memikirkan peristiwa yang telah berlaku.

Saya seorang doktor, saya sendiri mengalami masalah mengandung dan melahirkan anak. Saya seorang doktor tetapi tidak mampu membantu Ibu saya sendiri. Dia pergi waktu umurnya hanya 47 tahun. Belum habis sedih kehilangan Ibu, abang ipar saya pula meninggalkan kami pada umurnya hanya 37 tahun diserang penyakit jantung waktu menjalani latihan di Pusat Latihan Polis di Kuala Kubu Baru. Saya terus bertanya, “mengapa, mengapa, mengapa”



Peristiwa-peristiwa inilah yang akhirnya mendorong saya terus mencari jawapan kepada persoalan bagaimana saya seorang doktor boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan membantu keluarga dan masyarakat. Saya berhenti dari khidmat hospital dan melanjutkan pengajian dalam bidang *Medical Demography* dan Kesihatan Umum. Saya belajar memberi ceramah dan keterangan kepada ibu bapa tentang pentingnya kesihatan dirinya dan anak serta bagaimana menjaganya. Saya pernah naik rakit, bot, landrover dan helikopter (di Sarawak) masuk ke kawasan pedalaman. Apabila bekerja di hospital, saya dapati pesakit yang sampai di hospital kadangkala dalam keadaan teruk dan sukar dibantu. Di kampung pula, masalah berkait rapat dengan kemiskinan dan kekurangan ilmu pengetahuan yang akhirnya membawa kepada sakit tenat dan kehilangan satu lagi anak, ibu atau bapa.

Apabila saya ditugaskan di Bahagian Kesihatan Ibu dan Anak, Kementerian Kesihatan, saya berpeluang pula terlibat dalam Program Kesihatan Sekolah. Semasa dua tahun saya dalam bidang ini saya yakin bahawa kesihatan, pendidikan dan pembangunan tidak boleh dipisahkan. Manusia yang membangun dengan baik pasti sihat, dan manusia sihat berpeluang meningkatkan lagi pembangunan. **Sebagai seorang doktor, saya juga seorang ibu dan guru; dan tidak boleh dinafikan lagi bahawa seorang guru adalah juga seorang ibu atau bapa.**

Saya terkejut apabila pada bulan Januari 1975, saya telah dipanggil oleh Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg Tan Sri Datuk Dr. Majid Ismail memberitahu saya akan ditukarkan ke Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebagai Ketua Pengarah. “Saya seorang Pegawai kesihatan menjadi Ketua Pengarah, mungkin Tan Sri tersalah! Tan Sri, kalau ini benar, saya belum bersedia”. Waktu itu saya terlalu muda dan oleh kerana saya telah berkahwin, saya belum lagi ditetapkan di dalam jawatan. Tan Sri hanya tersenyum dan berkata, “Kita hanya bersedia apabila kita mengalaminya ... pergilah”

“Kita hanya bersedia apabila kita mengalaminya”

(YBhg Tan Sri Datuk Dr Abdul Majid b. Ismail
Bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia, 1975)

PELUANG MENCARI

Sungguhpun saya tidak yakin saya boleh menyempurnakan tugas sebagai Ketua Pengarah, tetapi pada masa 10 tahun saya di LPPKN itulah saya berpeluang mencari dan menyelidik serta mendapatkan jawapan kepada persoalan hidup saya. Saya yakin ada baiknya keluarga itu dirancang tetapi saya dapati kualiti hidup berkeluarga tidak semestinya bergantung kepada anak dua atau tiga sahaja. Tidak kira berapa orang anak yang akhirnya dilahirkan, apa yang perlu ialah kualiti ibu dan bapanya. Jawapan ini mungkin telah saya sendiri perolehi dari arwah Ayah yang sering memberitahu saya, “... Ayah tidak ada harta kekayaan yang boleh ditinggalkan kepada anak-anak. Hanya yang Ayah mampu beri ialah pendidikan yang sebaik-baiknya, dengan harapan semoga pendidikan itu akan menjadikan anak-anak Ayah itu – ‘ORANG’.

Di LPPKN juga saya berpeluang memberi tumpuan kepada berbagai isu kependudukan dan perkaitannya dengan perancangan di peringkat makro dan pembangunan keluarga di peringkat mikro. Pendidikan saya di dalam bidang *Medical Demography* membantu saya memahami betapa pentingnya penduduk dan keluarga iaitu sekiranya kita ingin menggunakan satu perkataan sahaja, “manusia” di dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian rancangan pembangunan sesebuah negara itu. Oleh kerana keluarga adalah unit asas masyarakat, saya berpendapat sekiranya kita bangunkan keluarga itu dengan baik, maka masyarakat, ummah dan negara akan membangun dengan baik.

MODEL PEMBANGUNAN SOSIAL

Di LPPKNlah saya mula mengilhamkan model pembangunan keluarga yang saya fikir boleh dicuba secara berterusan seperti Karyaneka, Nadi dan Nadi-Desa serta program Mengintegrasikan Kawalan Parasit ke dalam Program Kesihatan Ibu dan Anak. Saya juga percaya sekiranya tenaga wanita dapat digemblengkan pada segi tenaga fikir, sumber wang, tenaga fizikal dan lain-lain dengan cara yang produktif anak dan keluarga akan dapat dibangunkan dengan baik. Dengan itu terhasillah berbagai konsep dan program seperti PELITA (Pengasasan di bawah Lima Tahun), Pusanita, Hawa dan Persatuan

Siswazah Wanita Malaysia, Yayasan Darunnisa. Saya juga mengambil bahagian aktif di dalam NACIWID (Badan Penasihat untuk Mengintegrasikan Wanita dalam Pembangunan) dan dalam pertubuhan-pertubuhan lain.

AKTIVITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Saya juga aktif di peringkat antarabangsa sebagai ahli Pesuruhjaya tentang Taraf Wanita Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN Commission on the Status of Women*) dan Pesuruhjaya Kependudukan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN Commission on Population*). Saya juga pernah dilantik sebagai Presiden '*International Federation of Family Health*' (Persekutuan Antarabangsa tentang Kesihatan Keluarga). Bersama rakan-rakan lain, saya berpeluang mewujudkan semula "ICOMP" atau *International Committee on the Management of Population Programmes* dan mendaftarkan semula organisasi itu di Malaysia. Saya juga berpeluang bersama rakan-rakan saya di Negara Asean lain, mewujudkan "*The Forum of Asean Heads of Population Programmes*" iaitu "Forum Ketua-ketua Kependudukan Asean," dan melalui badan-badan ini kami telah banyak menghasilkan program usahasama dalam bidang "Kependudukan dan Pembangunan Keluarga". Melalui forum ini, kami telah mewujudkan Kumpulan Ahli-Ahli Parlimen tentang Kependudukan dan Pembangunan Keluarga di peringkat Asean, di peringkat negara ahli termasuklah Malaysia dan melaluinya Forum di peringkat Asia dan Global. Dengan bantuan kawan-kawan inilah saya dan pegawai-pegawai LPPKN berjaya menyediakan unjuran-unjuran untuk "polisi 70 juta penduduk" dan cadangan-cadangan pelaksanaan polisi tersebut.

Tetapi, mengapa kita masih tidak mempunyai ramai orang yang dikatakan cemerlang? Sebaliknya mengapa kita mempunyai ramai umat manusia yang berkurangan ilmu, jahil, angkuh, ganas dan buruk akhlak? Adakah ini bererti selama ini kita telah tidak tahu tentang isu-isu pendidikan atau tidak begitu cekap dalam melaksanakan program-program pembangunan anak-anak kita?

(Noor Laily, 1980)

USAHA SAYA DAN RAKAN-RAKAN

Saya dan beberapa rakan lain telah berusaha menjawab persoalan tentang Manusia Cemerlang. Kami sering berbincang; kami mengumpul bahan-bahan dari apa sahaja sumber yang dapat kami perolehi; kami berjaya menggerakkan berbagai program di peringkat negeri kami, di peringkat rantau Asia Pasifik dan juga di peringkat antarabangsa. Kami mencari apakah cara pendekatan dan strategi serta teknik yang terbaik, kosnya rendah, dan impeknya luas serta cepat dilihat dan dirasakan oleh mereka yang mengamalkannya.

Dari pengalaman saya dan rakan-rakan dalam bidang kesihatan, kekeluargaan dan pendidikan selama lebih 30 tahun di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa, saya dapati isu pendidikan amat kaya sekali dengan konsep serta program bernas. Dari sudut agama, semua agama, telah mengajukan panduan yang amat lengkap tentang matlamat pendidikan dan bagaimana matlamat itu boleh dihasilkan.

Dari segi sains juga banyak kajian yang menghasilkan panduan serta memajukan berbagai program yang berguna. Dari segi pemerintah, semua kerajaan yang berkuasa, telah giat memajukan berbagai jenis program pendidikan yang bertujuan meningkatkan kesempurnaan hidup melalui ilmu, kepakaran, kecerdasan dan keimanan.

Tetapi yang menakjubkan saya ialah rasa keinsafan saya dan rakan-rakan bahawa manusia telah dianugerahkan keistimewaan sebagai Khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini dan telah dihadihkan dengan risalah Allah s.w.t. iaitu al-Quran yang mengandungi panduan untuk menyediakan manusia supaya berakal tinggi untuk menegakkan satu sistem kebaikan, ketakwaan dan keadilan dunia dan akhirat.

Mungkin persoalan ini mesti ditujukan kepada semua pihak dan bukan kepada ibu bapa sahaja. Bagi diri saya, sebagai seorang ibu, saya mempunyai keazaman untuk terus berusaha dalam memastikan agar anak saya (dan juga anak mereka yang seperjuangan dengan saya) akan menjadi manusia yang penuh dengan kesempurnaan serta kecemerlangan dari segi kesihatan, kecergasan emosi, keimanan dan kecerdasan akal.



HASIL PERSIDANGAN CENDEKIAWAN

Jawapan yang jelas diperolehi setelah bersidang selama empat hari di Jakarta pada tahun 1983 iaitu persidangan yang telah kami lima orang rakan dapat usahakan dengan dibiayai oleh Tabung Bangsa-Bangsa Bersatu Dalam Bidang Kependudukan (UNFPA). Persidangan ini disertai oleh 69 orang Cendekiawan Islam dari seluruh dunia. Rumusan persidangan itu ditujukan kepada kami sendiri iaitu:

“Kami akan berusaha sepanjang hayat kami mencari dan menggunakan apa sahaja sumber yang ada untuk memahami dan menghayati satu teknik yang amat senang untuk membolehkan kami mengajar ibu bapa mengajar anak mereka surah ‘al-Fatihah’ dari peringkat awal, insya-Allah”.

Rumusan yang terhasil pada bulan Disember 1983 mendapat jawapannya pada bulan April 1984 apabila kami bertemu Dr. Glenn Doman di Institut Pembangunan Potensi Manusia di Philadelphia, Amerika Syarikat.

Hasil pertemuan ini, kami telah mengemblengkan ilmu pengetahuan dan pengalaman kami dengan bahan-bahan dan ilmu serta teknologi yang telah ditemui dan diamalkan oleh Institut ini. Seterusnya kami telah menyesuaikan ilmu dan teknik ini dengan membina dan membangunkan NURY berpandukan surah *at-Tin* yang bermaksud: “*Setiap manusia itu telah dijadikan dalam keadaan yang sebaik-baiknya*”

IKRAR

Saya berpendapat sudah sampailah masanya kita memastikan agar anak kita membesar menjadi “insan cemerlang” dan menjadikan ianya satu IKRAR semua ibu bapa. IKRAR ini mesti menjadikan pendidikan anak sebagai suatu ibadah di antara ibadah-ibadah utama yang mesti dijadikan teras hidup kita sebagai umat Islam. Berlandaskan IKRAR itu, ibu bapa sebagai pendidik utama anak, mesti mencari ilmu dan mewujudkan kaedah serta menganjur usaha yang wajar, agar semua pihak yang terlibat dalam pendidikan akan turut berganding bahu menyempurnakan IKRAR itu melalui program-program yang tersusun dan berjangka panjang.

PERTEMUAN DENGAN DR. GLENN DOMAN

Saya sendiri tidak mempunyai ilmu yang tepat tentang pembangunan manusia sungguhpun saya seorang doktor, sehingga saya bertemu dengan Dr. Glenn Doman. “*Setiap manusia dibekalkan dengan potensi untuk menjadi CEMERLANG sejak dari dalam rahim ibunya lagi ...*”, demikian kata Dr. Glenn Doman pada hari pertama kami bertemu dengan beliau di *Institutes for the Achievement of Human Potential* pada bulan Mei 1984.

Dengan itu kata Dr. Glenn Doman “Di Institut ini kami berusaha untuk membantu manusia mencapai potensinya. Saya amat yakin dengan potensi manusia kerana dalam masa 30 tahun ini, saya telah dapat melihat anak yang buta bukan sahaja boleh melihat, tetapi boleh membaca dan seterusnya mencapai pembangunan yang sama atau kadangkala lebih tinggi daripada anak yang dikatakan biasa; anak yang pekak boleh mendengar dan memahami berbagai bahasa, anak yang lumpuh boleh bergerak, mula menjulur, merangkak dan seterusnya boleh berjalan, berlari, berenang dan melakukan gerak-geri gimnastik, yang kadangkalanya tidak boleh dilaksanakan oleh anak yang dikatakan biasa. Seterusnya apabila program yang telah saya lakukan ke atas anak yang dahulunya dikatakan cacat atau cedera, ke atas anak yang dikatakan biasa, hasilnya begitu mengagumkan”

Pertemuan kami dengan Dr. Glenn Doman yang ditetapkan hanya 15 minit, berakhir dengan kami bersamanya sepanjang hari pertama sehingga petang. Sebelum berpisah petang itu, Glenn menjemput kami terus datang pada keesokannya untuk terus melihat rakaman video kursus ‘*The Better Baby*’ yang telah pun dijalankan di Institut itu sejak hampir 20 tahun lamanya. Pertemuan 15 minit itu sebenarnya berakhir selepas empat hari iaitu sehingga rakaman video itu tamat.

Pertemuan pertama ini berterusan sehinggalah ke hari ini. Kami ke Philadelphia sekurang-kurangnya setahun sekali untuk menghadiri perjumpaan tahunan Organisasi Sedunia Pembangunan Potensi Manusia, yang biasanya berlangsung pada bulan Mei dan untuk menghadiri mesyuarat Akademi “*Child – Brain*”.

Nury



Dr. Noor Laily Abu Bakar
(DIMP, JSM, SAP, MBBS, MSc, DC)

BIODATA

Noor Laily, anak ketiga Dato' Hj. Abu Bakar dan Toh Puan Fatimah Tun Zaharah. Pendidikan awal di sekolah Melayu Temerloh, Sekolah Abu Bakar Mentakab, Convent Cameron Highlands, Sekolah Menengah Tapah dan seterusnya Maktab Perempuan Melayu Kuala Lumpur. Ijazah Kedoktoran MBBS, Singapura; Certificate Population Planning, University of Michigan; Population Planning, Economic Development Institute of the World Bank; Master of Science in Medical Demography (MSc), University of London; Certificate in Auditory Integration Training; Certificate in Nutrition and Environmental Health Australian College for Environmental Health; and Diplomate in Chelation Therapy, USA.

Pengasas dan Pengarah Institut Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak Nury. Pernah bertugas di Hospital Besar Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan dan Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Pengalaman luas di dalam bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak pembangunan keluarga dan kependudukan.

Panduan hidupnya: "ACCOMPLISH or NEVER BEGIN dan sabar menghadapi apa jua"

ISBN 983-99437-0-7



9 789839 943702

RM 42.50